

**KENYATAAN AKHBAR OLEH  
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**MENGENAI**

**PELEPASAN KOS BAHAN API DAN PENJANAAN (IMBALANCE COST  
PASS-THROUGH) BAGI SEMAKAN SEMULA TARIF ELEKTRIK DI  
SEmenanjung Malaysia**

---

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ingin mengumumkan bahawa atas keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan kadar tarif elektrik sehingga Jun 2015.

Bagi memastikan kadar tarif dikekalkan sehingga Jun 2015, Kerajaan akan menampung kos sebanyak RM1.683 billion api dan penjanaan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama, dan mengekalkan harga gas berpaip yang dibekalkan oleh PETRONAS kepada Sektor Elektrik.

Tarif elektrik di Semenanjung ditetapkan melalui sistem Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) di mana salah satu komponennya adalah mekanisme ICPT yang telah dilaksanakan pada Januari 2014. Mekanisme tersebut membolehkan Kerajaan untuk menyemak kadar tarif setiap 6 bulan berdasarkan perubahan dalam harga bahan api dan penjanaan.

Mekanisme ICPT mengambil kira perubahan harga gas berpaip, gas asli cecair (LNG), arang batu, *medium fuel oil* (MFO), *distillate* dan kos penjanaan lain seperti kos berkaitan PPA, *displaced cost* daripada Tenaga Baru Boleh (TBB) dan kos pembelian tenaga elektrik daripada negara luar.

Sistem yang serupa juga telah diamalkan di kebanyakan negara maju dan membangun seperti Australia, United Kingdom dan juga kebanyakan negara ASEAN seperti Singapura, Thailand dan Filipina. Mekanisme ini

menbenarkan kadar tarif yang mencerminkan kos pembekalan elektrik yang lebih telus.

Untuk mengekalkan kadar tarif sedia ada, kos ICPT bagi tempoh Januari 2014 sehingga 30 Jun 2015 akan ditampung menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama.

Jumlah kos ICPT yang terlibat bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Jun 2014 adalah sebanyak RM465.93 juta, manakala bagi tempoh Julai 2014 hingga Disember 2014 adalah sebanyak RM382.03 juta. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM847.96 juta, yang bersamaan dengan kenaikan kadar tarif elektrik sebanyak 1.62 sen/kWj, akan ditampung menggunakan penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama.

Setelah mengambil kira kos ICPT bagi mengekalkan kadar tarif, baki penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama, adalah sebanyak RM170 juta. Jumlah baki ini adalah tidak mencukupi bagi menampung kos-kos ICPT akan datang.

Di samping itu, susulan daripada keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan harga gas berpaip, PETRONAS akan menanggung *foregone revenue* bagi tempoh Julai 2014 hingga Jun 2015 sebanyak RM836 juta.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap kebijakan rakyat, keputusan yang diibuat adalah untuk mengurangkan impak rasionalisasi subsidi dan ketidaktentuan harga di peringkat global. Namun, tindakan yang sedang diambil ini tidak dapat menjamin kelestarian pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Oleh yang demikian, Kementerian ini menggesa rakyat untuk memainkan peranan mereka bagi menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan mengurangkan pembaziran. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menggunakan peralatan elektrik cekap tenaga, memadamkan peralatan elektrik yang tidak digunakan dan menetapkan suhu termostat alat penghawa dingin pada 24 darjah Celsius. Panduan amalan kecekapan tenaga boleh diperoleh dari laman sesawang [www.kettha.gov.my](http://www.kettha.gov.my); [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my); dan [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).

Kerajaan juga ingin pihak utiliti sentiasa berusaha untuk menyediakan bekalan elektrik yang efisien, mencukupi, berdaya harap dan kos efektif demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

5 November 2014